

Persediaan Menyambut Ramadan

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Yunus ayat 58:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

Yang bermaksud: *Katakanlah (Wahai Muhammad) "kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan*

dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan daripada segala benda dan perkara yang tidak kekal)".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Kita berada pada hari-hari terakhir bulan Syaaban. Dalam sedar atau tidak, kita semakin mendekati bulan yang penuh kebaikan, keberkatan dan rahmat iaitu bulan Ramadan. Oleh itu, kita hendaklah membuat persiapan dan persediaan awal untuk menyambut kedatangannya. Sikap dan amalan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dan para sahabat al-salafussaleh dalam membuat persediaan menghadapi Ramadan hendaklah menjadi contoh kepada kita semua. Mereka bersedia menyambut Ramadan bukan memikirkan tentang makanan, minuman, juadah yang sedap lagi enak. Mereka juga membuat persediaan dengan menambah amal ibadat pada bulan Syaaban sebagai latihan sebelum bertemu Ramadan. Ibnu Rajab al-Hanbali berkata, "Adalah al-salafussoleh apabila berada pada bulan Syaaban akan membanyakkan bacaan al-Quran sehingga apabila datang Ramadan jiwa mereka dapat menerima begitu mudah untuk membaca kalam Allah Subhanahu wa-Taala.

Sesungguhnya para sahabat dan generasi awal yang dididik oleh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam amat bergembira apabila hampir dengan bulan Ramadan. Kegembiraan mereka ditunjukkan dengan membanyakkan doa agar Allah Subhanahu wa-Ta'ala memberi peluang untuk mereka berada pada bulan Ramadan. Marilah kita semua berusaha untuk menyuburkan dalam hati perasaan gembira dengan kedatangan Ramadan. Pupuklah rasa gembira tersebut dengan berdoa agar Allah Subhanahu wa-Ta'ala memberi kesempatan kepada kita untuk bertemu dengan bulan Ramadan berkeadaan sihat walafiat. Semoga doa ini menjadikan hati kita semua gembira dengan kedatangan bulan Ramadan.

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Yang bermaksud: *Ya Allah, berkatilah kami pada bulan Rejab dan Syaaban dan sampaikan kami ke bulan Ramadan.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Buatlah persiapan dengan menghadiri majlis ilmu dan membaca buku untuk mengulang-kaji kembali hukum-hukum ibadah dalam bulan Ramadan kerana ibadat tanpa ilmu akan menjadi sia-sia. Kita wajib mengetahui ilmu dan hukum berpuasa sebelum Ramadan datang agar puasa diterima oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Rancanglah kegiatan amal ibadat untuk mendapatkan manfaat sebesar mungkin daripada bulan Ramadan. Ramadan sangat singkat, oleh itu, setiap detik hendaklah dilalui dengan amalan berharga yang dapat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Matlamat yang paling utama ialah agar ibadat kita diterima oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Berazamlah untuk mengisi sepanjang Ramadan dengan ketaatan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dan dapat melaksanakan ibadah yang lebih baik daripada sebelumnya. Janganlah sekali-kali kita meninggalkan puasa pada bulan Ramadan tanpa keuzuran kerana ganjarannya sangat besar disisi Allah Subhanahu wa-Ta'ala walaupun diqada'kan pada hari lain. Sabda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

مَنْ أَفْطَرَ يَوْمًا مِنْ رَمَضَانَ مِنْ غَيْرِ عُدْرٍ وَلَا مَرَضٍ لَمْ يَقْضِهِ صِيَامُ الدَّهْرِ

Yang bermaksud: *Sesiapa yang sengaja meninggalkan puasa walaupun sehari dalam bulan Ramadan tanpa uzur atau sakit tidak sama dia mengqada'kan puasa selama setahun.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Antara persiapan lain yang perlu ada ialah memperbanyakkan bercerita tentang kemuliaan bulan Ramadan terutamanya kepada ahli keluarga, jiran tetangga dan sahabat handai. Hal ini bertujuan memberi rangsangan dan semangat kepada kita untuk membuat persediaan bertemu Ramadan. Hadiahkanlah buku, risalah serta pesanan berkaitan kelebihan puasa pada bulan Ramadan melalui kemudahan laman sosial. Semoga setiap golongan berada dalam keadaan bersedia untuk membesarkan bulan yang mulia ini. Pada masa yang sama ia juga menggambarkan sikap kita yang amat memuliakan bulan Ramadan ibadahnya dan ganjaran pahala besar yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Apabila ganjaran pahala, syurga dan redha Allah Subhanahu wa-Taala menjadi rebutan kita maka akan terhindarlah sifat-sifat keji untuk berebut-rebut kepada dunia, wang ringgit, harta benda dan kuasa. Semoga kedatangan Ramadan tahun ini akan membersihkan dosa-dosa kita dan menambah kecintaan kepada agama Allah Subhanahu wa-Taala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

سَابِقُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا

بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۚ ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: “Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan daripada Tuhan kamu, dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar.”

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّنِيْ وَايَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُوْلُ قَوْلِيْ
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.